

# Alumni saluran balas budi universiti

Sepanjang Oktober dan November setiap tahun, universiti di Malaysia mengadakan Majlis Konvokesyen. Bagi mahasiswa, Majlis Konvokesyen adalah kemuncak kejayaan sepanjang pengajian. Pertukaran gelaran siswa kepada graduan dan seterusnya alumni memberi makna tersendiri bukan sahaja kepada mereka, tetapi juga universiti.

Ibarat menyemai bakti, universiti mengharapkan graduan membalias budi. Pusat Alumni yang diwujudkan di universiti menjadi pengantara antara alumni dengan universiti. Pelbagai aktiviti diatur daripada mengesan, merekod maklumat alumni sehingga kepada penjanaan tabung *endowment* bagi memberi peluang kepada alumni menyumbang kewangan untuk pembangunan universiti.

Bagi graduan pula, janganlah menjadi seperti kacang lupukan kulit. Selain membalias jasa ibu bapa dan guru, balaslah juga budi universiti. Banyak sumbangan boleh diberi graduan kepada universiti.

Sumbangan kewangan serendah RM1, apabila disumbangkan semua alumni supaya sesebuah universiti boleh menjana sejumlah wang untuk membiayai aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, perundingan serta pembangunan fizikal sesebuah universiti.

Graduan yang mempunyai perkerjaan, sepatutnya berkongsi ilmu dan kemahiran bidang di-

Hari konvokesyen saat paling ditunggu-tunggu setiap mahasiswa.

[GAMBAR HIASAN]



'junior' mereka yang masih menuntut di universiti. Sebagai individu yang terbabit secara langsung dengan amalan sesuatu pekerjaan, mereka boleh menyampaikan sesuatu teori dengan lebih jelas.

## Kongsi pengalaman kerja

Misalnya, graduan berjawatan juruterma di sebuah kilang boleh menyampaikan teori pemesinan dengan lebih menarik dan berkesan kepada mahasiswa berdasarkan pengalaman pekerjaan di peroleh.

Graduan juga sewajarnya membayar hutang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Menurut Pengurus PTPTN, Datuk Shamsul Anuar Na-

sarah, sehingga 30 September 2015, seramai 1.2 juta peminjam membayar pinjaman namun 1.8 juta peminjam masih belum membayar balik pinjaman membabitkan RM14.65 bilion.

Data itu bukan sahaja menggambarkan sikap kurang bertanggungjawab graduan, tetapi menjekas reputasi dan imej universiti di Malaysia.

Oleh itu, menjadi tanggungjawab graduan melunaskan hutang berkenaan bukan sahaja bagi kemudahan pinjaman siswa lain pada tahun mendatang, tetapi juga sebagai tanda terima kasih dan menjaga nama baik universiti yang berjasa kepada mereka.

Sewaktu di universiti, siswa mengikuti aktiviti kokurikulum se-

erti badan beruniform, sukan, keusahawanan, khidmat komuniti, pengucapan awam dan kebudayaan.

Oleh itu, wajar mereka memberi khidmat bakti dengan menjadi tenaga pengajar sukarela kokurikulum. Graduan yang ditauliahkan sebagai Inspektor (SUKSIS) dan Leftenan Muda (PALAPES) layak menjadi jurulatih sukarela bagi sesi latihan hujung minggu atau kem latihan tahunan.

Bagi graduan yang menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dan perniagaan pula boleh memberi ceramah berkaitan peluang dan cabaran dalam perniagaan kepada mahasiswa di universiti.

## Graduan sumber rujukan

Graduan berpengalaman mengikuti sesuatu program akademik di universiti. Apabila mereka tamat pengajian, mereka adalah sumber rujukan paling 'autentik' untuk memberi maklum balas terhadap struktur kurikulum, kandungan kursus dan penilaian akademik yang diikuti.

Tiada sumber rujukan yang lebih tepat bagi universiti untuk menilai sesuatu program akademik melainkan graduan mereka sendiri.

Justeru, adalah penting untuk graduan memberi maklum balas dan buah fikiran untuk penambahbaikan sesuatu program akademik di sesebuah universiti.

Penyelidikan adalah nadi pemenuhan ilmu baharu yang dapat meningkatkan pencapaian dan

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: [bhforum@bharian.com.my](mailto:bhforum@bharian.com.my)

kedudukan universiti. Graduan perlu terus aktif menabur budi dengan melakukan penyelidikan bersama dengan universiti.

Kerjasama paling mudah dilakukan adalah dengan mengisi borang soal selidik dan memberi maklum balas melalui temu bual kepada mahasiswa yang datang ke tempat kerja graduan untuk melakukan penyelidikan. Bagi mereka yang berkemampuan boleh memberi dana penyelidikan kepada universiti.

Graduan perlu membalias budi kepada universiti. Bantuan kewangan, perkongsian ilmu, kemahiran dan pengalaman serta penjanaan idea mereka sangat diperlukan universiti. Pembabitan alumni menjadi pemangkin kepada kehebatan sesebuah universiti. Slogan 'dari universiti kepada alumni' untuk universiti' mesti menjadi pegangan kepada mereka yang bergelar, graduan atau alumni.

**Profesor Madya Dr Ahmad Esa,**  
Pengarah Pusat Kokurikulum,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.